

Pengurus

premis pusat

hiburan

mengaku

bersalah

jalankan

pusat hiburan

tanpa lesen

KUCHING: Seorang pengurus premis pusat hiburan didenda RM4,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah menjalankan pusat hiburan tanpa lesen.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Mason Jaro Lenya Barayan terhadap Jackson Lucy, 31, yang didakwa mengikut Seksyen 5(1) Ordinan Hiburan 2000 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 5(3) ordinan sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu kira-kira jam 11.05 malam pada 15 November 2024 di sebuah bistro terletak di Jalan Lapangan Terbang di sini.

Fakta kes mendedahkan polis melakukan operasi pada malam kejadian membuat pemeriksaan ke atas pusat hiburan berkenaan dan memeriksa pengurus premis (tertuduh) yang berada di kaunter premis tersebut.

Semasa pemeriksaan dijalankan, polis mendapati pusat hiburan tersebut masih beroperasi dan terdapat dalam lingkungan 45 orang pelanggan sedang berhibur dengan muzik masih dimainkan.

Pemeriksaan lanjut mendapati pusat hiburan tersebut beroperasi tanpa lesen hiburan yang sah.

Polis kemudian menangkap tertuduh selaku pengurus premis serta merampas peralatan muzik dalam premis tersebut, antara lainnya mixer, monitor, televisyen, mikrofon dan sebagainya.

Hasil siasatan mendapati pihak Majlis Bandaraya Kuching Selatan tidak mengeluarkan lesen untuk menjalankan perniagaan (Pusat Hiburan) untuk pusat hiburan tersebut. Tertuduh tidak diwakili peguam.